

Amanah Hartanah Bumiputera ("AHB")

KENALI Amanah Hartanah Bumiputera ("Dana")



Dana ini ialah dana unit amanah patuh Syariah yang melabur terutamanya dalam pemunyaan benefisial harta tanah komersial di lokasi utama di Malaysia dengan tujuan untuk memberikan aliran pendapatan yang tetap dan konsisten kepada pelabur Bumiputera sambil mengekalkan modal pelaburan pelabur.

Dana ini boleh dilanggan oleh pelabur Bumiputera menerusi pengedar yang sah di Malaysia.

KENAPA anda perlu mempertimbangkan Amanah Hartanah Bumiputera ?

- 1 Pelaburan dalam Hartanah Komersial Utama**

Hanya dengan modal pelaburan serendah RM100, anda layak untuk menikmati manfaat pemunyaan benefisial harta tanah komersial yang unggul.

- 2 Agihan Pendapatan Yang Stabil & Tetap**

Pulangan stabil

Dana ini menyasarkan pulangan melebihi kadar Simpanan Tetap Islam di Maybank Islamic Berhad 12 bulan. Rujuk www.maybank2u.com.my

Pulangan tetap

Pembayaran balik setiap setengah tahun sebagaimana yang ditentukan oleh Pengurus, jika ada.

Patuh Syariah

Dana ini telah disahkan sebagai patuh Syariah oleh panel penasihat Syariah yang dilantik. Kesemua agihan adalah selepas pembayaran Zakat.

- 3 Mampu milik**

- Tiada fi penyertaan atau pembatalan.
- Harga unit adalah tetap pada nilai RM1.00 tanpa caj penebusan.

- 4 Mudah didapati**

- Pelaburan boleh dibuat secara tunai
- Kemudahan untuk melabur menerusi pengedar yang sah di seluruh negara.

MAKLUMAT AGIHAN PENDAPATAN LALU

Tarikh Akhir Layak Terima Agihan	Agihan Pendapatan	Tarikh Akhir Layak Terima Agihan	Agihan Pendapatan
31 Mac 2017	3.10 sen/Unit	31 Mac 2020**	0.30 sen/Unit
30 September 2017	3.10 sen/Unit	30 September 2020	2.25 sen/Unit
31 Mac 2018	3.10 sen/Unit	30 September 2020**	0.15 sen/Unit
30 September 2018	2.90 sen/Unit	31 Mac 2021	2.15 sen/Unit
30 September 2018**	0.20 sen/Unit	31 Mac 2021**	0.20 sen/Unit
31 Mac 2019	2.75 sen/Unit	30 September 2021	2.15 sen/Unit
31 Mac 2019**	0.25 sen/Unit	30 September 2021**	0.20 sen/Unit
30 September 2019	2.30 sen/Unit	31 Mac 2022	2.15 sen/Unit
30 September 2019**	0.30 sen/Unit	31 Mac 2022**	0.35 sen/Unit
31 Mac 2020	2.30 sen/Unit		

Jadual 1: Agihan Pendapatan untuk 2017 hingga March 2022

*Dana ini dikecualikan cukai dan bersih zakat **Bonus bagi setiap pemegang unit, hanya 500,000 unit yang pertama sahaja layak untuk menerima pengagihan bonus

Sumber: Maybank Asset Management Sdn Bhd & Pelaburan Hartanah Berhad

MAKLUMAT UTAMA DANA

Tarikh Pelancaran	20 Oktober 2010						
Penaja	Pelaburan Hartanah Berhad						
Harga	RM 1.00 setiap Unit						
Kategori / Jenis	Aset yang bersandarkan harta-harta/Pendapatan						
Profil Pelabur	<p>Dana ini boleh dianggap menarik bagi pelabur-pelabur yang:</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ mempunyai matlamat pelaburan jangka panjang; ➤ mencari pemeliharaan modal; ➤ mencari pendapatan tetap; dan ➤ mempunyai tahap toleransi risiko yang rendah. 						
Matlamat Pelaburan	Dana ini bermatlamat untuk menjana aliran pendapatan tetap dan konsisten serta berusaha untuk mengekalkan modal pelaburan para Pemegang Unit.						
Strategi Pelaburan	<p>Dana ini berusaha untuk mencapai objektif pelaburannya menerusi pelaburan terutamanya dalam pemgunaan benefisial harta-harta di Malaysia yang diperolehi daripada Penaja atau anggota gabungannya khususnya harta-harta komersil termasuk tetapi tidak terhad kepada bangunan-bangunan pejabat, kompleks beli-belah, pusat komersil, kompleks logistik dan perindustrian.</p> <p>Dana ini juga akan melabur dalam pasaran instrumen matawang Islam dan memegang wang tunai untuk memenuhi keperluan kecairannya</p>						
Peruntukan Aset	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Pelaburan</th> <th>Had-had</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pelaburan dalam pemgunaan benefisial harta-harta di Malaysia yang mematuhi Syariah</td> <td>34% hingga 100% dari VOF Dana boleh dilaburkan dalam pemgunaan benefisial harta-harta di Malaysia</td> </tr> <tr> <td>Wang tunai dan mana-mana instrumen pasaran wang yang mematuhi Syariah</td> <td>0% hingga 66% daripada VOF Dana boleh dilaburkan dalam wang tunai atau mana-mana instrumen pasaran wang yang mematuhi Syariah</td> </tr> </tbody> </table>	Pelaburan	Had-had	Pelaburan dalam pemgunaan benefisial harta-harta di Malaysia yang mematuhi Syariah	34% hingga 100% dari VOF Dana boleh dilaburkan dalam pemgunaan benefisial harta-harta di Malaysia	Wang tunai dan mana-mana instrumen pasaran wang yang mematuhi Syariah	0% hingga 66% daripada VOF Dana boleh dilaburkan dalam wang tunai atau mana-mana instrumen pasaran wang yang mematuhi Syariah
Pelaburan	Had-had						
Pelaburan dalam pemgunaan benefisial harta-harta di Malaysia yang mematuhi Syariah	34% hingga 100% dari VOF Dana boleh dilaburkan dalam pemgunaan benefisial harta-harta di Malaysia						
Wang tunai dan mana-mana instrumen pasaran wang yang mematuhi Syariah	0% hingga 66% daripada VOF Dana boleh dilaburkan dalam wang tunai atau mana-mana instrumen pasaran wang yang mematuhi Syariah						
Dasar Agihan	<p>Agihan boleh dibuat daripada pendapatan Dana, atas pilihan Pengurus setelah berunding dengan Penaja setiap setengah tahun atau pada masa lain yang tertentu seperti yang boleh ditentukan oleh Pengurus mengikut budi bicara penuhnya, tertakluk kepada kelulusan daripada Pemegang Amanah. Hanya Pemegang Unit yang nama mereka disenaraikan dalam daftar Pemegang Unit pada tarikh kelayakan Nota (2) layak untuk agihan.</p> <p>Nota (2) 31 Mac dan 30 September atau tarikh lain seperti yang akan ditentukan oleh Pengurus.</p>						
Pelaburan Permulaan Minimum	Pelaburan permulaan minimum untuk individu adalah 100 Unit.						
Pelaburan Tambahan Minimum	Unit pelaburan tambahan minimum ialah 50 Unit untuk individu.						
Had Pelaburan Maksimum	500,000 Unit untuk setiap individu.						

MAKLUMAT UTAMA DANA

Keperluan Baki Minimum	Baki minimum yang perlu dikenakan oleh individu ialah 100 Unit.
Pembelian Balik/ Penjualan Unit Minimum	Sekiranya permintaan untuk pembelian balik akan menyebabkan individu memegang kurang daripada 100 Unit, Pengurus berhak untuk membeli kesemua baki Unit dan menutup akaun individu tersebut.
Tanda Aras Prestasi	Kadar Simpanan Tetap Islamik-i 12-bulan di Maybank Islamic Berhad. Untuk perincian, layari www.maybank2u.com.my
Caj Jualan dan Pembelian Semula	Pada masa ini, Pengurus tidak mengenakan sebarang caj jualan atau caj pembelian semula apabila para Pemegang Unit membeli atau menjual Unit Dana ini.
Fi Tahunan Pengurusan	Sehingga jumlah maksimum 1.00% setahun daripada VOF, dikira dan diakru secara harian, sebagaimana dipersetujui antara Pemegang Amanah dan Pengurus.
Fi Tahunan Pemegang Amanah	Sehingga 0.08% setahun daripada VOF, tertakluk pada jumlah minimum sebanyak RM18,000 setahun.
Fi Tukar Alih	Tukar alih tidak dibenarkan.
Hak Masa Bertenang	Hak masa bertenang tidak diguna pakai bagi Dana kerana harga Unit ditetapkan pada RM1.00.
VOF	Nilai Dana pada kos, ditentukan dengan menolak nilai liabiliti Dana daripada nilai semua aset Dana.

Penaja:	Pelaburan Hartanah Berhad (200601013065 (732816-U))
Pengurus:	Maybank Asset Management Sdn. Bhd. (199701006283 (421779-M))
Pengedar:	Malayan Banking Berhad (196001000142 (3813-K)) AmBank (M) Berhad (196901000166 (8515-D)) AmBank Islamic Berhad (199401009897 (295576-U))
Pemegang Amanah:	AmanahRaya Trustees Berhad (200701008892 (766894-T))

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pasukan Khidmat Pelanggan kami di +603 2297 7888 atau layari www.maybank-am.com.my

Penafian:

Brosur ini adalah penerangan ringkas mengenai Dana dan ianya tidak lengkap. Pelabur dinasihatkan untuk meminta, membaca dan memahami prospektus Dana sebelum membuat keputusan untuk melabur. Prospektus Penggantian Amanah Hartanah Bumiputera bertarikh 1 Disember 2020 yang menggantikan Prospektus bertarikh 16 Oktober 2016 seperti yang dipinda oleh Prospektus Tambahan Pertama bertarikh 9 Mac 2017, Prospektus Tambahan Kedua bertarikh 15 September 2017 dan Prospektus Tambahan Ketiga bertarikh 10 Julai 2018 dan prospektus-prospektus tambahannya, jika ada, ("Prospektus") telah didaftarkan dan diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"), yang tidak bertanggungjawab terhadap kandungannya. Salinan Prospektus boleh didapatkan di pejabat kami atau di cawangan pengedar kami. Antara lain, pelabur perlu mengambil kira fi dan caj yang terlibat. Pengagihan yang dibayar mungkin turun dan juga naik. Prestasi Dana masa lalu tidak boleh dianggap sebagai petunjuk prestasi masa depannya.

Kelulusan atau kebenaran SC, atau pendaftaran, penyerahan atau penyerahan Prospektus tidak sama dengan menunjukkan bahawa SC telah mengesyorkan atau mengesahkan Dana atau iklan tersebut atau mengkaji semula brosur ini.

Nota: Laporan ini telah diterjemahkan daripada laporan asal (dalam Bahasa Inggeris). Jika terdapat perbezaan, sila rujuk kepada laporan Bahasa Inggeris.

Risalah produk dikemas kini pada 31 Mar 2022